



SIARAN MEDIA

600,000 ORANG REMAJA MENDAPAT PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF (SRH) MENERUSI PROGRAM KASIH REMAJA

KUALA LUMPUR, 27 JUN – Program KASIH Remaja : Advokasi SRH merupakan inisiatif baharu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama rakan-rakan strategik dalam kalangan agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan swasta bagi memperkasa pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dalam kalangan remaja secara holistik di Malaysia. Majlis perasmian program ini disempurnakan oleh YABhg Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur.

Seramai 600,000 pelajar daripada 1,080 sekolah terpilih di seluruh negara akan mendapat pengetahuan dan kemahiran berkaitan aspek SRH. Program ini juga akan turut mensasarkan 2,232 pembimbing rakan sebaya (*peer educators*) Kelab KafeTEEN dan 64,800 peserta bagi Program Advokasi SRH yang akan dilaksanakan dengan lebih meluas.

Strategi pelaksanaan program KASIH Remaja secara 3Ps (*public private partnership*) ini adalah selari dengan objektif Dasar dan Pelan Tindakan PEKERTI 2022-2025 iaitu meningkatkan kesedaran individu, keluarga dan masyarakat mengenai kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. Program Advokasi SRH ini akan memberi tumpuan kepada empat (4) komponen pelaksanaan yang merangkumi:

- i) Program Advokasi SRH;
- ii) Kit Pembelajaran Kendiri Advokasi SRH;
- iii) Kaunseling SRH Remaja dan Klinik KafeTEEN; dan
- iv) Pemberian Kit Pengurusan Kebersihan Diri.

Program secara kolaborasi strategik ini melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Pertubuhan *Malaysian Against Pornography* (MAP) serta syarikat swasta, Kimberly-Clark.

Turut serta dalam majlis ini ialah YB Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Puan Juwairiya Zulkifli, Timbalan Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, YBrs. En. Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan agensi.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
27 JUN 2024